

10 NOV 1999
SPR-Mesyuarat
SPR MESYUARAT JUMAAT TETAPKAN TARIKH PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) akan bermesyuarat Jumaat ini untuk menetapkan tarikh bagi penamaan calon dan hari mengundi bagi pilihan raya umum ke-10.

Pengerusinya Datuk Omar Hashim berkata mesyuarat itu akan diadakan pada 10 pagi.

"SPR akan mencari tarikh yang sesuai untuk pilihan raya kali ini," katanya pada sidang berita ekoran pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembubaran parlimen esok.

Perdana Menteri juga berharap pilihan raya dapat diadakan sebelum bulan puasa.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah berkenan membubarkan Parlimen berkuatkuasa esok untuk membolehkan pilihan raya umum ke-10 itu diadakan.

Mengikut peraturan, penamaan calon boleh diadakan sekurang-kurangnya sembilan hari selepas tarikh pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri manakala tarikh untuk hari mengundi boleh ditetapkan seawal-awalnya tujuh hari selepas hari penamaan calon.

Omar berkata pilihan raya umum ke-10 akan menggunakan daftar pemilih 1998, yang disahkan pada 7 Jan tahun ini dengan mempunyai 9.7 juta pengundi.

Omar berkata mesyuarat itu juga akan membincangkan secara terperinci mengenai persiapan logistik SPR bagi menghadapi pilihan raya kali ini, yang pertama kali diadakan pada hujung tahun.

Katanya SPR terpaksa memikirkan tarikh yang paling sesuai bagi pilihan raya ini kerana terdapat beberapa kekangan seperti musim peperiksaan sekolah menengah iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) serta kemungkinan banjir dan musim tengkujuh.

"Ada banyak perkara seperti hujan, bah dan perkara-perkara yang di luar dugaan. Kita juga mesti ingat peperiksaan umum (SPM and STPM) akan berlangsung sehingga 13 Dis," katanya.

Kira-kira 70 peratus daripada 109,000 petugas sambilan pilihan raya adalah guru, dan sebahagian mereka akan terlibat dengan penyeliaan peperiksaan dan memeriksa kertas peperiksaan, katanya.

Katanya petugas sambilan SPR berkenaan tidak boleh digantikan dengan orang lain kerana mereka sudah dilatih dan sudah memahami selok belok perjalanan pilihan raya.

Di samping itu, banyak sekolah dijadikan sebagai pusat penamaan calon dan pengundian.

"SPR akan memilih dan memastikan tarikh pilihan raya itu adalah sesuai kepada semua orang," katanya.

Peperiksaan SPM/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) tahun ini adalah dari 22 Nov hingga 10 Dis ini.

Ditanya sama ada pilihan raya akan diadakan sebelum 22 Nov, Omar berkata: "Itu tidak mungkin."

Mengenai persiapan SPR, beliau berkata secara umumnya SPR telah bersedia bagi menghadapi pilihan raya ini manakala persiapan di negeri-negeri telah diadakan sejak awal lagi.

Terdapat 32 parti politik berdaftar di negara ini termasuk yang terbaru, Parti Demokratik Malaysia (MDP).

Mengenai desakan pembangkang supaya undi pos dihapuskan, Omar berkata ia tidak boleh sewenang-wenangnya dihapuskan kerana ia termaktub dalam

undang-undang.

"Kita tidak boleh menidakkan apa yang telah diperuntukkan dalam perundangan," katanya.

Ditanya jika ada pihak akan dilantik menjadi pemerhati, Omar berkata SPR tidak menjemput mana-mana pihak menjadi pemerhati.

-- BERNAMA

HS MAI